

## **KAEDAH PENGAJARAN QIRAAT AMALI ATAS TALIAN DALAM KALANGAN PENSYARAH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

### **Online Qiraat Amali Teaching Methods among Malaysian Institute of Higher Education Lecturers**

MUHAMMAD SYAFEE SALIHIN BIN HASAN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[mrsyafee@kuis.edu.my](mailto:mrsyafee@kuis.edu.my)

MUHAMMAD AMMAR FARHAN BIN RAMLAN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[ammarfarhan@kuis.edu.my](mailto:ammarfarhan@kuis.edu.my)

FATIN NAZMIN MANSOR  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[fatinnazmin@kuis.edu.my](mailto:fatinnazmin@kuis.edu.my)

MOHAMAD FADHLI SHAH  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[fadhlishah925@gmail.com](mailto:fadhlishah925@gmail.com)

#### **Abstrak**

Penguasaan dan kefahaman pelajar berkaitan suatu ilmu berkait rapat dengan kaedah pengajaran guru. Kajian lepas menyatakan terdapat kelemahan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran qiraat amali. Jesteru kajian akan dilakukan ini untuk meninjau kaedah pengajaran qiraat amali dalam kalangan pensyarah di Institusi pengajian tinggi. Rekabentuk kajian ialah kajian tinjauan melalui pendekatan kualitatif melalui temubual Bersama 4 pensyarah yang terlibat dalam pengajaran mata pelajaran qiraat amali peringkat sarjana muda. Data observasi hasil responden akan dianalisis secara deskriptif menggunakan persian Nvivo 2.0. Diharap kajian ini akan menjelaskan tentang kaedah pengajaran dalam usaha meningkatkan penguasaan qiraat amali dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: Pengajaran Qiraat Amali, Atas Talian, Institut Pengajian Tinggi Malaysia

#### **Abstract**

Students' mastery and understanding of knowledge are closely related to the teacher's teaching methods. Previous studies have stated that there is a weakness in students' mastery of qiraat amali learning. Therefore, this study will be done to review the methods of teaching qiraat amali among lecturers in institutions of higher learning. The design of the study is a survey study through a qualitative approach through interviews with 4 lecturers involved in teaching qiraat amali subjects at the undergraduate level. Respondents' observation data will be analyzed descriptively using Nvivo 2.0. It is hoped that this study will explain the teaching

methods in an effort to improve the mastery of qiraat amali among students in institutions of higher learning.

Keywords: Teaching Qiraat Amali, Online, Malaysian Institute of Higher Education

## **1.0 PENDAHULUAN**

Pengajian ilmu qiraat di Malaysia secara formal mula diperkenalkan pada tahun 1966 selepas mendapat perhatian daripada Perdana Menteri Malaysia pertama dengan mewujudkan sebuah Institusi Pengajian Tahfiz Al-Quran pada 1 Mac 1966 dan diikuti Maahad-Maahad Tahfiz Negeri di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain itu, pengajian ilmu ini juga ditawarkan peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta secara program khusus, antaranya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Sultan Azlan Shah (UNISAS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Sultan Abdul Halim Mu'azzam Shah (UNISHAMS) dan sebagainya. Selaras dengan penubuhan tersebut, ilmu qiraat terus berkembang pesat dan mendapat sambutan sehingga hari ini.

## **2.0 QIRAAT AMALI**

Qiraat Amali merupakan salah satu subjek yang dipelajari dalam pengajian qiraat di peringkat institusi pengajian tinggi Malaysia. Pengajaran subjek ini merupakan praktikal bacaan melibatkan sepuluh imam qiraat yang dipelajari daripada subjek qiraat ilmi. Semasa proses pengajaran subjek ini tenaga pengajar akan menerangkan khilaf qiraat dalam suatu ayat serta menjelaskan susunan bacaan imam-imam tertentu mengikut tertib yang betul. Seterusnya, tenaga pengajar akan membaca secara langsung dan pelajar akan mendengar bacaan. Setelah itu, pelajar akan memperdengarkan praktikal bacaan secara talaqqi dan musyafahah bersama tenaga pengajar.

## **3.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Tahun 2019 yang lalu, seluruh dunia dikejutkan dengan pandemik covid-19 yang mana Malaysia juga terkesan daripada virus membunuh ini. Keseluruhan sektor utama telah menghadkan operasi untuk mengekang penularan covid-19 ini, termasuklah institusi pengajian samada peringkat Institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Perkara ini telah menukar corak pembelajaran dan pengajaran di seluruh dunia dengan menggunakan kemudahan dan aplikasi atas talian seperti aplikasi *Google Meet*, *Zoom Meeting*, *Voice Chat Telegram*, *Fb Group*, *Youtube*, *Microsoft Teams* dan sebagainya.

Pengajian qiraat yang sebelum ini berjalan secara bersemuka telah diubah kepada sistem pengajian secara atas talian. Pengajian mesti diteruskan bagi menjayakan misi dan objektif sesuatu program atau kursus sesebuah institusi. Pengajaran qiraat amali secara atas talian adalah satu langkah terbaik bagi meneruskan legasi ilmu secara menyeluruh dan memastikan pengajian terus berjalan lancar agar pelajar tidak ketinggalan dalam bidang qiraat.

Persoalannya, adakah pelajar mampu memahami dengan baik subjek ini apabila dilakukan secara atas talian?. Temubual bersama Zainora Daud (2021) menjelaskan penguasaan ilmu qiraat kebanyakan pelajar didapati lebih kepada aspek teori sahaja berbanding qiraat amali yang mana kebanyakan pelajar tidak menguasai dan memahami kaedah menyusun bacaan

jamak sepuluh imam dengan baik. Maka melalui penggunaan apa jua alat bantu mengajar ICT dalam pengajaran, diharapkan dapat meningkatkan penguasaan para pelajar untuk memahami kaedah susunan jamak sepuluh imam serta melancarkan proses penyampaian ilmu qiraat dalam kalangan pengajar (Zainora Daud 2021).

Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan untuk meninjau kaedah pengajaran qiraat amali dalam kalangan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi secara atas talian era COVID-19. Amalan pengajaran tenaga pengajaran merupakan faktor terpenting dalam meningkatkan penguasaan pelajar terhadap subjek ini. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat yang berguna serta perkongsian yang baik kepada tenaga pengajar dan pelajar yang menceburi bidang ini.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN


Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif yang diperolehi ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Oleh itu, kajian ini telah dilakukan untuk mengenalpasti kaedah pengajian qiraat amali di institut pengajian tinggi secara atas talian dengan menggunakan kaedah temubual terhadap empat orang tenaga pengajar yang berpengalaman mengajar subjek qiraat amali di institut pengajian tinggi Malaysia.

Kajian yang memilih reka bentuk kualitatif, pada dasarnya tidak menetapkan sebarang bilangan sampel secara spesifik dan ianya terpulang kepada kondisi kajian. Ini adalah kerana kajian kualitatif menumpukan pemberatan hala tuju penyelidikannya kepada proses memperdalamkan maklumat dan mendetailkan data terhadap sesuatu fenomena (Merriam S.B., 1998). Justeru bilangan empat responden dalam konteks kajian adalah memadai bagi tujuan tersebut. Ini adalah kerana maklumat yang diperolehi daripada keempat-empat responden sudah dapat mencapai titik ketepuan berdasarkan permasalahan yang ingin diteroka oleh kajian (Othman Lebar, 2009).

Data observasi hasil responden dianalisis secara deskriptif menggunakan persian Nvivo versi 11 berdasarkan tujuan utama dalam kajian ini. Analisis temubual ini telah dibahagikan mengikut tema-tema tertentu yang akan diperincikan dalam hasil kajian.

#### 5.0 HASIL KAJIAN

Dapatan kajian berkaitan kaedah pengajian qiraat amali di institut pengajian tinggi Malaysia secara atas talian dipecahkan kepada beberapa tema seperti berikut



## **1. Aplikasi dan Medium Pengajaran**

Proses pengajaran qiraat amali secara atas talian telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah video call dan google meet. Jawapan ini berdasarkan data maklumbalas dari tiga responden seperti berikut;

### **Responden 1**

*saya akan menggunakan kaedah video call untuk qiraat amali dan saya akan pelbagaikan cara seperti pelajar perlu menghantar bacaan bentuk audio melalui aplikasi washapp.*

### **Responden 2**

*Saya akan menggunakan google meet bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran kerana kelebihanannya boleh merekodkan sesi kelas.*

### **Responden 3**

*Saya menggunakan aplikasi google meet, kemudian saya akan menjelaskan kepada pelajar berkaitan metod qiraat amali, seterusnya setiap pelajar dikehendaki membaca secara jamak.*

## **2. Persiapan Sebelum Mengajar**

Sebelum proses pengajaran dan pembelajaran qiraat amali dijalankan guru akan merujuk dahulu perkara yang hendak diajarkan kepada para pelajar dan akan memastikan semua perisian dan platform yang akan digunakan dalam keadaan baik. Jawapan ini berdasarkan data maklumbalas dari tiga responden seperti berikut;

### **Responden 1**

*Sebelum mengajar biasanya saya akan study terlebih dahulu item-item yang hendak diajarkan kepada para pelajar seperti tajuk imalah, kemudian bagaimanakah cara atau kaedah pengajaran imalah dan apakah garis panduan atau kaedah untuk menyebutnya. Kerana qiraat amali sekiranya kita hanya mengajar teori sahaja pelajar mungkin agak kurang faham.*

### **Responden 3**

*Merujuk kepada buku-buku berkaitan dengan qiraat yang boleh membantu dalam proses pembelajaran.*

### **Responden 4**

*Memastikan semua perisian dan platform yang akan digunakan dalam keadaan baik dan semua pelajar telah menerima link yang diberikan dan memastikan kehadiran mereka.*

## **3. Aktiviti Semasa Pengajaran**

Semasa sesi pengajaran berlangsung, tenaga pengajar telah melakukan beberapa aktiviti pengajaran, antaranya menerangkan manhaj bacaan setiap imam, menyusun bacaan jamak mengikut tertib sepuluh imam, memberikan bacaan contoh serta mendengar bacaan dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan ini berdasarkan maklumbalas responden seperti berikut;

### **Responden 1**

*Ketika sesi pengajaran saya akan melakukan aktiviti seperti pengulangan banyak kali setiap sebutan yang baru diajarkan, saya akan membacanya terlebih dahulu kemudian pelajar diminta untuk mengikutinya*

## **Responden 2**

*Saya akan menerangkan kepada para pelajar kaedah ataupun manhaj setiap imam qiraat meliputi kaedah usul dan farsh huruf, tetapi saya akan lebih fokuskan kepada manhaj usul seperti mana yang terdapat di dalam kitab manhaj al-qurra atau qawaid al-qurra.*

## **Responden 3**

*Aktiviti yang biasa saya lakukan ialah membaca / membunyikan terlebih dahulu sesuatu ayat sebelum meminta pelajar membacanya.*

## **4. Tindakan Selepas Pengajaran**

Usai pengajaran qiraat amali secara atas talian, tenaga pengajar akan memberikan sedikit motivasi dan nasihat kepada pelajar agar lebih berusaha untuk meningkatkan penguasaan qiraat amali. Selain itu, aspek disiplin juga ditekankan oleh tenaga pengajar supaya pelajar dapat memberikan tumpuan yang baik semasa proses pengajaran, disamping membantu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh responden berikut.

## **Responden 1**

*Sebelum daripada berakhir sesi kelas, motivasi atau nasihat yang saya berikan kepada pelajar lebih menjurus kepada penguasaan yang sebenar dalam pengajaran pada hari tersebut perlu diperkukuhkan dengan usaha daripada daripada mereka iaitu dengan cara bertalaqqi para masyaikh di luar sana ataupun dengan merujuk karya-karya yang berkaitan dengan pembelajaran pada hari tersebut*

## **Responden 2**

*Setelah selesai sesi pembelajaran, saya akan memberikan kepada para pelajar pautan kelas yang telah berlangsung.*

## **Responden 4**

*Sentiasa mengingatkan pelajar mengenai keperluan mengingati manhaj bacaan semua qurra' terutamanya berkaitan dengan usul.*

## **6.0 RUMUSAN KAEDAH PENGAJARAN QIRAAT AMALI ATAS TALIAN DALAM KALANGAN TENAGA PENGAJAR DI IPT MALAYSIA**

### **6.1 Aplikasi dan Medium Pengajaran**

Pengkaji dapat merumuskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran subjek qiraat amali secara atas talian di semua institut pengajian tinggi adalah menggunakan beberapa aplikasi seperti *google meet*, *video call* dan *whatsApp*. Kemudahan aplikasi ini telah membantu dalam melancarkan proses pengajaran qiraat amali secara atas talian. Hasil kajian disokong oleh kajian Zakaria bin Saad (2020) yang menjelaskan kesediaan siswa guru menggunakan *google meet* sebagai platform pengajaran dan pembelajaran (PdP) berada di tahap yang tinggi (min =3.34).

### **6.2 Persiapan Sebelum Mengajar**

Rumusan data temubual berkaitan persiapan sebelum proses pengajaran qiraat amali secara atas talian dijalankan adalah tenaga pengajar telah melakukan persediaan terlebih dahulu dengan merujuk kepada kitab qiraat amali seperti tajuk *imalah*, *sakt*, *naql*, *tashil* dan sebagainya. Persiapan sebelum mengajar perlu dilakukan oleh tenaga pengajar agar proses

pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menjelaskan guru yang efektif adalah guru merancang kuliah menumpukan kepada beberapa perkara utama sebelum kelas dimulakan. Rasmitadila et al. (2020) menyatakan bahawa guru perlu kreatif dan inovatif dalam merancang kaedah pengajaran supaya objektif pembelajaran dapat dicapai. Selain itu, guru juga perlu membuat rujukan pada buku-buku berkaitan dengan tajuk yang akan dimuatkan dalam sesi pembelajaran dan memastikan semua perisian dan platform yang akan digunakan berada dalam keadaan baik.

### 6.3 Aktiviti Semasa Pengajaran

Proses pengajaran subjek qiraat amali secara atas talian dijalankan secara terancang dimana penerangan akan diberikan terlebih dahulu kepada pelajar bagi memudahkan mereka memahami teori pembelajaran. Sebagai contoh, tenaga pengajar akan menerangkan kepada pelajar mengenai asas ilmu qiraat meliputi kaedah, manhaj, usul dan juga *farsh al-huruf*. Dengan ini para pelajar akan lebih fokus untuk meneruskan pembelajaran dan dapat mempraktikkan apa yang telah diterangkan oleh guru. Mohamad Yasin (2011) menyatakan penekanan kepada amalan kreativiti pengajaran bukan sahaja dapat mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran baharu tetapi membantu guru memudahkan proses pengajaran dengan berkesan. Ee Ah Meng (2003) pula menjelaskan strategi kebijaksanaan guru memilih suatu pendekatan dan kecekapan merancang kaedah dan teknik pembelajaran akan memberikan impak yang lebih baik terhadap pemahaman murid dalam proses pembelajaran. Sebagai contoh tenaga pengajar melakukan aktiviti membacakan sesuatu ayat dengan bacaan secara jamak terlebih dahulu, sebelum meminta para pelajar untuk membacanya. Kaedah ini akan memberikan suatu impak yang positif kepada proses pembelajaran pelajar sebagaimana dijelaskan oleh Zainora Daud (2015) bahawa aktiviti yang selalu dilaksanakan dalam p&p qiraat amali adalah aktiviti bacaan berulang kali dan aktiviti memperdengarkan bacaan qiraat. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa seseorang pelajar akan mampu membaca sesuatu ayat dengan bacaan secara jamak dengan baik apabila tenaga pengajar menerangkan kaedah bacaan qiraat serta menjelaskan susunan imam dengan betul.

### 6.4 Tindakan Selepas Pengajaran

Hasil kajian berkaitan tindakan tenaga pengajar selepas proses pengajaran subjek qiraat amali secara atas talian, tenaga pengajar akan memberikan tausiah atau nasihat (teguran) kepada para pelajar khususnya pada bahagian usul qiraat dan manhaj bacaan imam. Hal ini kerana kemahiran dan penguasaan berkaitan usul dan manhaj qiraat menjadi faktor terpenting kepada pelajar untuk menentukan ketepatan bacaan serta menyusun bacaan qiraat secara jamak dengan tepat. Tenaga pengajar juga memberi saranan agar pelajar mencari peluang untuk bertalaqqi qiraat dengan guru-guru lain agar dapat memantapkan penguasaan bacaan jamak mereka. Hal ini selaras dengan saranan Abd Rahman dan Zainora Daud (2012) menjelaskan amalan *talaqqi* dan *mushafahah* dengan keadaan guru membaca pelajar mendengar dan guru mendengar pelajar membaca adalah amalan yang paling popular diamalkan serta dapat meningkatkan penguasaan dalam qiraat amali.

Selain itu, nasihat tentang disiplin juga kepada pelajar turut diberikan selepas proses pengajaran qiraat amali. Sungguhpun kaedah pengajaran kini telah berubah kepada mod atas talian, peranan pendidik sebagai fasilitator dalam proses pengajaran masih perlu dikekalkan kerana ciri-ciri pendidik yang berkualiti adalah dapat meningkatkan komitmen dalam pembelajaran pelajar. Perkara ini turut dijelaskan oleh kajian Yackop Jantan dan Chua Yan Piaw (2017) bahawa pendidik berperanan dalam mewujudkan motivasi pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran serta menjadi faktor yang kuat terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Dalam pada itu, kewajipan kepada pelajar untuk mendisipkan diri agar proses

pengajaran dan pembelajaran qiraat amali secara atas talian ini dapat berlangsung dengan sebaiknya.

## 7.0 KESIMPULAN

Peranan tenaga pengajar amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas kerana amalan pengajaran tenaga pengajar yang berkesan menjadi salah satu faktor kejayaan dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Kaedah pengajaran tenaga pengajar yang tidak sesuai bakal menyumbang kelemahan pembelajaran dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kepada semua tenaga pengajar qiraat amali untuk menguasai pedagogi pengajaran agar proses pdp mencapai objektif yang disarankan, terutama kaedah pengajaran dilaksanakan secara atas talian.

## RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani etal, (2012) *Tahap Pengurusan Institusi Tahfiz Persendirian di Negeri Selangor dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam Bil.1/Februari*. Selangor: KUIS.
- Ee Ah Meng, (2003), *"Ilmu Pendidikan: Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas"*. Selangor:Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Fatin Nazmin (2020) Pembelajaran Qiraat Secara Dalam Talian: Satu Sorotan. Buku Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS 2020
- Ibn al-Jazari, *Taqrib al-Nashr fi al-Qira'at al-Ashr*, ed. Muhammad Ali Baidun, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2002
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim , Mohd Faez Ilias, (2012). *Gaya Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*.
- Merriam, Sharan B, (1998). *Qualitative Research and Case Applications in Education*. Resvised and Expanded from " Case Study Reseachr in Education.
- Mohamad Yasin, R. (2011). *Pembangunan Model Pengajaran Kreatif Dalam Bidang Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Menengah*. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Muhammad Hafiz bin Saleh Keberkesanan Mempelajari Ilmu Qiraat: Antara Harapan, Cabaran Dan Penyelesaian Masalah. Seminar UIAM 2015.
- Muhammad Zaid bin Shamshul Kamar (2020) Sejarah Pembelajaran Ilmu Qiraat Di Darul Quran: Satu Pemerhatian. *Jurnal Qiraat KUIS 2020, VOL3, Bil 1, Halaman 28-36*.
- Othman Lebar (2009), *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod, cetakan ketiga, Tanjong Malim*: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rasmitadila, (2020). *The Perceptions of Primary School Teachers of Online Learning During the COVID-19 Pandemic Period: A Case Study in Indonesia*.
- Yackop Jantan dan Chua Yan Piaw, (2017). *Kompetensi Guru Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Sekolah*. JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan.
- Zainora Binti Daud, (2012). *Penghayatan Konsep Hamalah al-Quran Dari Perspektif Adab dan Akhlak dalam Kalangan Huffaz: Satu Kajian Untuk Pengukuhan Hafazan*.
- Zainora Binti Daud, (2015). *Penilaian pelaksanaan kurikulum qiraat di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz Al-Qur'an di Malaysia*.
- Zainora Binti Daud, (2021). *Temubual Keperluan ICT dalam Pengajaran Qiraat di IPT Malaysia*. Tembual pada 19/5/2021

Zakaria Bin Saad, (2020). Kesediaan Penggunaan Google Meet Sebagai Platform Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Siswa Guru Di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim.

### **Rujukan Internet**

Izyan Munirah Mohd Zaideen (2021) Pembelajaran Era Pandemik: Cabaran dan Peluang.  
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1922282>  
Tarikh Akses : 18/1/2021

Abdul Muiez Ruslee (2020) Pandemik Covid-19 ubah sistem pendidikan.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/113155/KHAS/>  
Tarikh Akses : 03/12/2020

Izyan Munirah Mohd Zaideen (2021) Pembelajaran Era Pandemik: Cabaran dan Peluang  
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1922282>  
Tarikh Akses : 18/5/2021

Mohd Abdul Nasir Abd Latif& Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi; Pembinaan Modul Hafalan Al-Qur'an Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al-Qur'andalam Kalangan Huffaz  
<https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/24110/11633>  
Tarikh Akses 23/5/2021

Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi; Implimentasi Talaqqi dan Mushafahah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Qira'at Warsh 'An Nafi'  
<https://ajap.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5237/3034>  
Tarikh Akses 23/5/2021

Nurhaqirah Suhaimi 2020 Pdp dalam talian rangsang kemahiran IT.  
<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2020/12/763898/pdp-dalam-talian-rangsang-kemahiran-it>  
Tarikh Akses : 25/5/2021

Siti Fatimah 2020 PdPR ketika pandemik mampu jadi model pendidikan lebih fleksibel  
<https://ismaweb.net/2021/01/20/pdpr-ketika-pandemik-mampu-jadi-model-pendidikan-lebih-fleksibel/>  
Tarikh Akses : 25/5/2021